

## ULAMA MAJHUL KELANTAN TUAN GURU HAJI WAN ISMAIL @ HARUN BIN ABDUL RAHMAN

[KELANTAN'S UNKNOWN ULEMA TUAN GURU HAJI WAN ISMAIL  
@ HARUN BIN ABDUL RAHMAN]

ABDUL QAHHAR IBRAHIM<sup>1</sup>  
NOORSAFUAN CHE NOH<sup>2</sup>  
MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA<sup>1</sup>

### Abstrak

Sememangnya terdapat ramai ulama yang banyak mewarnai perkembangan dakwah dan pendidikan Islam di Tanah Melayu khususnya di seluruh Nusantara. Mereka ini memberikan sumbangan besar kepada aspek pembangunan masyarakat terutamanya pada aspek penyebaran ilmu Islam. Walau bagaimana pun, masih ramai lagi tokoh ulama yang tidak dikenali (*Majhul*) di lapangan medan dakwah Islamiah di Malaysia namun banyak memberikan kesan signifikan kepada perkembangan Islam suatu masa dahulu. Penulisan artikel adalah bertujuan untuk menonjolkan seorang tokoh ulama yang namanya tercatat dalam buku sejarah ulama di Tanah Melayu, akan tetapi tidak dikenali secara umum. Beliau adalah Tuan Guru Haji Wan Ismail@Harun bin Abdul Rahman yang terdiri dari kalangan lapisan generasi ulama terakhir (bongsu) yang sempat merasai tarbiah tokoh ulama terkenal di Tanah Melayu iaitu Tok Kenali. Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan metode temu bual dan penerokaan dokumen-dokumen tertentu yang berkaitan dengan kajian yang ingin dibuat bagi tujuan pengumpulan maklumat yang diingini. Kajian ini juga turut berperanan dalam memberikan sumbangan terhadap penambahan maklumat berkaitan ulama terdahulu pada aspek persejarahan dan sumbangan mereka dalam lapangan ilmu serta kemasyarakatan.

**Kata Kunci:** Ulama Majhul, Tuan Guru Haji Wan Ismail dan Sejarah.

### Abstract

Indeed there are many scholars lot of color development and propagation of Islamic education in Malaya, especially throughout the archipelago. They make a great contribution to the development of society, especially in the aspect of disseminating Islamic knowledge. However, there are still many unknown scholars (*Majhul*) in the field of Islamic da'wah field in Malaysia but it has had a significant impact on the development of Islam in the past. Writing articles is intended to highlight a scholar whose name is recorded in the history books of scholars in

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Pendidikan, dakwah dan peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

**Corresponding Author:**

NOORSAFUAN CHE NOH, Jabatan Pengajian Pendidikan, dakwah dan peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.  
E-mail: noorsafuanc@unisza.edu.my

Malaya, but not known in general. He was Tuan Guru Haji Wan Ismail @ Harun bin Abdul Rahman composed of scholars among the last generation layer (the youngest) who had tasted tarbiyah famous scholars in Malaya that Tok. This study is a qualitative study that uses the method of interview and exploration of certain documents related to the study to be made for the purpose of gathering the desired information. This study also plays a role in contributing to the addition of information related to previous scholars in terms of history and their contribution in the field of knowledge and society.

**Keywords:** Unknown Ulema, Tuan Guru Haji Wan Ismail @ Harun bin Abdul Rahman, History.

**Cite This Article:**

Abdul Qahhar Ibrahim, Noorsafuan Che Noh & Mohd Borhanuddin Zakaria. (2020). Ulama Majhul Kelantan Tuan Guru Haji Wan Ismail @ Harun bin Abdul Rahman. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(4), 45-52.

## PENGENALAN

Ulama merupakan satu kumpulan ahli Ilmu yang merupakan pewaris Nabi, yang berkhidmat pada agama dan masyarakat dalam segala segi aspek kehidupan demi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Terdapat ramai ulama yang telah muncurah jasa kepada perkembangan Islam dari zaman ke zaman. Namun begitu, masih ramai lagi tokoh ulama *majhul* (tidak dikenali) yang banyak menjalankan aktiviti dakwah melalui penyebaran ilmu secara penulisan atau sebaliknya. Antara tokoh ulama tersebut adalah Tuan Guru Haji Wan Ismail bin Abdul Rahman yang dilahirkan pada tahun 1919 dan meninggal dunia pada tahun 1986 (Ismail Che Daud, 1992). Beliau merupakan seorang ulama yang banyak memberi khidmat kepada masyarakat pada aspek penyebaran ilmu dan dakwah di Tanah Melayu khususnya di Negeri Kelantan. Beliau merupakan ulama generasi terakhir yang dididik oleh Tok Kenali yang juga merupakan tokoh besar dalam melahirkan para ulama pelapis yang seterusnya mempergiatkan lagi usaha percambahan dakwah dan ilmu pengetahuan khususnya pada penubuhan institusi pengajian Islam pada ketika itu yang dikenali dengan gelaran Pondok atau Madrasah. Artikel ini akan memaparkan latar belakang Tuan Guru Haji Wan Ismail bin Abdul Rahman khususnya dari sudut keluarga dan sejarah pendidikan beliau serta rakan seperjuangan beliau dan juga barisan mereka yang sempat menjadi murid beliau. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan maklumat penting terutamanya pada dari sudut sejarah tokoh-tokoh ulama di Tanah Melayu.

## LATAR BELAKANG

Tuan Guru Haji Wan Ismail Abd. Rahman (seterusnya disebut Tuan Guru Haji Wan Ismail) Kampung Jaya Pasir Hor Kota Bharu Kelantan, telah dilahirkan pada tahun 1919 di Kampung Cherang Hangus, Kuchelong, Bachok, Kelantan. Nama asal beliau adalah Harun, namun ketika kecil beliau telah ditimpa satu penyakit maka salah satu kaedah rawatan pada ketika itu adalah dengan menukarkan namanya kepada Ismail, panggilan dengan nama Harun hanya diketahui

oleh ahli keluarganya sahaja khususnya di Pahang. Ini kerana di Negeri Pahang beliau lebih dikenali dengan nama Harun berbanding Ismail (Wan Mokhtar Wan Ismail, 2020).

Beliau juga dikatakan merupakan jalur keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Ku Pulau Manis), Terengganu dari sebelah ibunya yang bernama Salamah @ Aisyah @ Wan Esah binti Mohd Mustapha (Tok Pa) bin Wan Senik bin Muhammad @ Syed Muhammad (Wan Mokhtar Wan Ismail, 2020). Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan seorang ulama kelahiran Negeri Terengganu yang berketurunan pendakwah dari Baghdad. Menurut catatan kelahiran dan kewafatan yang terdapat pada makam beliau di Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah dilahirkan pada tahun 1089H/1678M dan meninggal pada tahun 1149H/1736M (Zurita Mohd Yusoff et.al., 2019).

Manakala ayah Tuan Guru Haji Wan Ismail pula bernama Abdul Rahman (Lebai Deraman) merupakan anak kepada Tuan Guru Haji Che Awang Abdul Latif (Kampung Badak, Bachok) bin Imam Perang Dualid@Talib bin Panglima Bagus (Pahang). Tuan Guru Che Awang Abdul Latif bin Imam Perang Dolik@Dualid@Talib adalah merupakan pengasas Surau Badak, Bachok, Kelantan (Wan Mokhtar Wan Ismail, 2020). Tuan Guru Che Awang Abdul Latif telah menuntut di Pattani selama 5 tahun dan salah seorang gurunya adalah Syeikh Abdul Samad Bin Muhammad Salleh al-Kalantani (Tuan Tabal). Tuan Tabal adalah seorang ulama yang mengamalkan ilmu tasawuf dalam kehidupan sehari-hari dengan kaedah zikir dan amalan tersendiri. Boleh dikatakan bahawa Syeikh Abdul Samad Bin Muhammad Salleh al-Kalantani atau Tuan Tabal adalah pengasas kepada tarikat Ahmadiyah di Kelantan. Beliau juga telah menulis banyak hasil karya yang berkaitan dengan ilmu tasawuf ini. Antara hasil yang karya yang menyebut tentang ilmu tasawuf ini ialah *Jalalul Qulub bi Zikrillah*, diselesaikan pada waktu Zuhur, hari Rabu, 18 Muharam 1287 Hijrah/1870 Masihi (Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor, 2011).

Menurut salah seorang anak Tuan Guru Haji Wan Ismail iaitu Wan Mokhtar Wan Ismail (2020), Tuan Guru Haji Wan Ismail telah berkahwin sebanyak dua kali, perkahwinannya yang pertama adalah dengan Wan Aisyah yang merupakan anak kepada Tok Penggawa Haji Wan Musa bin Abd. Samad dan beliau telah dikurniakan tujuh orang cahaya mata, dua daripadanya meninggal muda iaitu Wan Maimunah yang meninggal ketika berusia 5 tahun dan Wan Ahmad Zaki yang meninggal dunia pada usia 40 hari. Anak-anak beliau yang lain adalah Wan Muhammad (meninggal dunia), Wan Hannas, Wan Hafidzah, Wan Mokhtar dan Wan Lokman. Beliau menikah kali kedua setelah kematian isterinya yang pertama, Haji Wan Ismail telah melangsungkan pernikahan kali kedua dengan Sakinah@Zulaikha binti Lebai Mat Saman yang berasal dari Kg. Masjid Kuala Krau, Pahang. Isteri kedua Tuan Guru Haji Ismail juga merupakan salah seorang dari ahli keluarga besar beliau dari sebelah ayahnya Abdul Rahman (Lebai Deraman).

Tuan Guru Haji Wan Ismail adalah seorang yang lemah lembut dan berhemah dalam berdakwah, beliau juga merupakan seorang bapa yang baik kepada anak-anaknya. Perwatakan dan kelebihan ilmu yang beliau ada menjadikannya seorang yang amat dihormati oleh masyarakat setempat. Masa harian beliau diisi dengan pelbagai aktiviti berfaedah seperti berkebun, membaca al-Quran, menelaah kitab, mengajar dan memberi khidmat kepada masyarakat awam. Malah beliau dikatakan seorang yang tidur awal pada waktu malam dan berjaga pada waktu pagi sebelum subuh dengan melaksanakan ibadat sunat yang lain seperti solata tahajud (Wan Hannas Wan Ismail, 2020).

## SEJARAH PENDIDIKAN

Tuan Guru Haji Wan Ismail Abd. Rahman merupakan kumpulan murid terakhir Tok Kenali dan mahir dalam bidang ilmu nahu. Antara kitab nahu yang telah beliau pelajari adalah *Mughni al-Labib an Kutub al-A'rib* yang telah dikarang oleh Al-Allamah Syeikh Jamal al-Din bin Hisham al-Ansari (708H-761H). Kitab tersebut merupakan kitab peringkat tinggi dalam lapangan ilmu nahu dan merupakan karya penting dalam perbahasan ilmu tatabahasa Arab. Maka pada zamannya sesiapa sahaja yang pernah mengkhatamkan dan mahir berkenaan kitab *Mughni al-Labib* boleh dianggap sebagai seorang yang mempunyai kepakaran dalam ilmu nahu bahasa Arab. Malah dikatakan salah seorang guru kepada Tuan Guru Haji Wan Ismail iaitu Tuan Guru Muhammad Yusuf bin Ahmad yang dikenali dengan gelaran Tok Kenali ketika pulang dari Tanah Haram setelah lama merantau untuk tujuan menuntut ilmu hanya membawa pulang dua buah kitab sahaja bersamanya iaitu *Tafsir al-Khazin* dan *Mughni al-Labib*. Tuan Guru Haji Wan Ismail telah berjaya mengkhatamkan kitab tersebut sebanyak tiga kali dengan dua orang guru beliau iaitu Tuan Guru Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad Pondok Bunut Payong dan Tuan Guru Haji Bahauddin bin Sheikh Rukni Sumatra.

Pada peringkat awal, Tuan Guru Haji Wan Ismail bin Abdul Rahman belajar dengan Tuan Guru Haji Uthman bin Haji Muhammad (Tok Bachok), kemudian beliau pergi menyambung ilmu dengan Tuan Guru Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali) selama 3 tahun khususnya dalam ilmu nahu *sarf*. Kemudian setelah ketiadaan Tok Kenali, Haji Wan Ismail menyambung pembelajaran beliau di Madrasah Ahmadiah Bunut Payung selama hampir 20 tahun di sana sehingga berjaya mendapat syahadah ilmu dari Tuan Guru Hj Abdullah Tahir Pondok Bunut Payong. Setelah itu, Tuan Guru Haji Wan Ismail menyambung pengajiannya di Masjid Muhammadi, Kota Bharu selama 5 tahun dalam bidang tafsir al-Quran di bawah bimbingan Tuan Guru Haji Mohd Noor Bin Dato' Haji Ibrahim (Mufti Kelantan). Malah beliau juga turut dikatakan pernah turut sama menyumbang tenaga dengan memberi khidmat mengajar di Pondok Ahmadiah Bunut Payong (Wan Mokhtar Wan Ismail, 2020 & Tengku Yusuff, 2020). Manakala selepas perang Jepun beliau telah meneruskan kembara ilmunya ke Tanah Suci Mekah, di mana beliau telah berguru dengan ramai ulama di sana antaranya Syeikh Muhammad Ali Al- Maliki, Muhammad ibn Alawi al-Maliki, Sayyid Muhammad Amin al-Kutubi al-Hasani, Syeikh Hasan al- Masyath, Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani, Syeikh Abdul Qadir Bin Abdul Mutualib bin Hassan Al- Indonesia Al-Mandili, dan Tuan Guru Syeikh Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir al Fathoni (Pak Da Eil) penulis kitab Bakurat al-Amani (Tengku Yusuff, 2020). Antara guru-guru Tuan Guru Haji Wan Ismail adalah:

1. Tuan Guru Haji Uthman bin Haji Muhammad (Tok Bachok)
2. Tuan Guru Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali) - Tuan Guru Haji Wan Ismail adalah antara murid lapis terakhir Tok Kenali
3. Tuan Guru Haji Ali Solahudin
3. Tuan Guru Haji Yaakub Legur
4. Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Haji bin Haji Ahmad- Tuan Guru Haji Wan Ismail pergi menuntut ilmu dengan beliau selepas Tok Kenali meninggal dunia

5. Tuan Guru Haji Mat Ali – beliau merupakan menantu kepada Tuan Guru Hj Abdullah Tahir Pondok Bunut Payung
6. Tuan Guru Haji Nor Bot –beliau merupakan menantu kepada Tuan Guru Hj Abdullah Tahir dan juga rakan kepada Tuan Guru Haji Wan Ismail bin Abdul Rahman
7. Tuan Guru Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir al Fathoni (Pak Da Eil)- Tuan Guru Haji Wan Ismail sempat mengambil imu dengan beliau ketika berada di Tanah Haram.
8. Tuan Guru Haji Mohd Noor Bin Dato' Haji Ibrahim (Mufti Kelantan)- Tuan Guru Haji Wan Ismail menuntut ilmu dalam bidang Tafsir selama 5 tahun dengan beliau.
9. Tuan Guru Haji Ismail Perol
10. Syeikh Abdul Qadir Bin Abdul Mutualib bin Hassan Al-Indonesi Al-Mandili
11. Syeikh Muhammad Ali Al- Maliki
12. Sayyid Muhammad ibn Alawi al-Maliki
13. Sayyid Muhammad Amin al-Kutbi al-Hasani
14. Syeikh Hasan al-Masyath
15. Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani
16. Tuan Guru Haji Bahauddin bin Sheikh Rukni Sumatra
17. Syeikh Abdul Rahim Idris
18. Tuan Guru Haji Ismail Bin Haji Senik (Tok Kemuning)

## KEMAHIRAN DALAM ILMU PERUBATAN

Tuan Guru Haji Wan Ismail juga turut berkemahiran dalam ilmu pertahanan dan ilmu perubatan seperti merawat gangguan, sakit tubuh, ilmu tarik besi dan kipas senandung. Beliau banyak mengambil ilmu perubatan dengan Tok Pa iaitu Lebai Mohd Mustapha bin Wan Senik yang merupakan datuk beliau sebelah ibunya, antara ilmu perubatan tradisional yang dipelajari oleh Tuan Guru Haji Ismail seperti lekat tulang, lekat jarum, lekat rambut, minyak selusuh untuk mudah bersalin, sakit orang gila atau kurang siuman, lekat uri, resdung, cacing, patah, tergeliat, sakit gigi, kena tahi ulat di kaki (gatal kaki sebab terpijak najis). Beliau banyak memberikan khidmat kepada masyarakat yang memerlukan seperti menderita sakit, membuat air tawar, membuat minyak untuk tujuan perubatan dan merawat kerasukan (Wan Mokhtar Wan Ismail, 2020, Wan Lokman Wan Ismail 2020 & Wan Hannas Wan Ismail 2020).

Di samping itu, Wan Mokhtar Wan Ismail (2020) juga menjelaskan bahawa Tuan Guru Haji Wan Ismail turut menuntut ilmu perubatan dari ibunya Salamah@Wan Esah seperti merawat orang kena api. Guru perubatan yang lain adalah Tok Ayah Hassan ayah Mak Su Tijah yang berasal dari Kampung Padang Pak Amat, Pasir Puteh. Ilmu yang dipelajari dan diwarisi oleh Tok Ayah Hassan adalah ilmu patah, geliat, terseliuh dan ilmu lekat jarum iaitu satu ilmu yang digunakan untuk membuang sebarang besi khususnya jarum yang telah memasuki badan pesakit. Tuan Guru Haji Wan Ismail bin Abdul Rahman juga merupakan seorang pengamal Hizb al-Bahr, ilmu tersebut beliau pelajari dari guru beliau ketika menuntut ilmu di Madrasah Ahmadiah Bunut Payong iaitu Tok Guru Haji Budin atau Tuan Guru Haji Baha'uddin bin Sheikh Rukni Sumatra.

## PENYEBARAN ILMU

Pada tahun 1953, beliau pulang ke tanah air dan telah dijemput oleh Tuan Guru Haji Abd. Aziz Pasir Tumboh untuk sama-sama membuka dan membangunkan pondok, tetapi beliau menolak kerana beliau lebih suka berdakwah dan mengajar di merata-rata tempat seperti masjid dan seumpamanya. Kemudian beliau telah mengasaskan madrasahnya sendiri iaitu Madarasah Haji Wan Ismail@Madrasah Kampung Jaya di Kg. Jaya, Pasir Hor, Kota Bharu (kini terletak di belakang Restoran Kiasatina yang bertempat di tepi jalan besar Kampung Jaya, Pasir Hor (Tengku Yusuff, 2020).

Tuan Guru Haji Wan Ismail telah mendapat tauliah untuk mengajar oleh Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam 18 cabang ilmu pengetahuan agama Islam seperti Nahu, *Sarf*, Fiqh, Usul Fiqh, Balaghah, *Arudh*, *Isti'arah*, Mantik, Tauhid dan selainnya. Beliau mengajar dan menyebarkan ilmu di pelbagai tempat di Kelantan, bahkan juga di luar Negeri Kelantan, antara tempat tersebut adalah Madrasah Kampung Jaya, Pasir Hor Kota Bharu, Madrasah Padang Enggang, Madrasah Batu Empat Kota Bharu, Madrasah al-Rahman di Wakaf Che Yeh., Madrasah Kg. Rupek Kota Bharu, Madrasah Tok Haji Tuan Man, Kuchelong Bachok, Madrasah Tok Haji Awang Kuchelong, Masjid Kg. Pauh Lima Bachok, Masjid Kg. Kuchelong Bachok, Masjid Kg. Cherang Hangus Bachok, Masjid Kg. Masjid Kuala Krau Temerloh (Pahang) dan Masjid Kuala Mai Jerantut (Pahang) (Wan Mokhtar Wan Ismail, 2020 & Wan Lokman Wan Ismail, 2020). Antara sahabat-sahabat beliau adalah:

1. Tuan Guru Haji Uthman Bukit Besar
2. Tuan Guru Haji Yahya Junid
3. Tuan Guru Haji Hasanuddin Berhala Gantang Temerloh
4. Tuan Guru Haji Abd Rahman Pangsanam
5. Tuan Guru Haji Aziz Pondok Pasir Tumboh
6. Tuan Guru Haji Mustafa Pondok Pasir Tumboh
7. Tuan Guru Haji Muhammad Che Long Bukit Gading
8. Tuan Guru Haji Mohd Noor Teliar
9. Tuan Guru Haji Abd Rahman Slow Machang

Manakala antara anak-anak murid Tuan Guru Haji Wan Ismail adalah:

1. Abd. Ghani bin Abd Rahman
2. Haji Omar bin Sulaiman
3. Haji Mohd bin Mat
4. Haji Isa bin Mat
5. Tok Penghulu Haji Yaacob bin Salleh
6. Tok Imam Haji Yusof bin Mahmod
7. Haji Wan Ismail bin Wan Sulaiman
8. Wan Omar bin Wan Sulaiman
9. Wan Hassan bin Wan Yaacob
10. Baba Haji Ab Rahman bin Mamat (Batu 30 Machang)
11. Tok Imam Haji Mohd Dhiawuddin bin Bilal Chik (Masjid Kg. Masjid Kuala Krau, Temerloh Pahang)
12. Ustaz Kamaruddin bin Ismail

13. Tok Penghulu Haji Ismail bin Mohd Yassin (Kuala Krau, Pahang)

## AKHIR HAYAT

Tuan Guru Haji Wan Ismail telah pergi mengadap Ilahi pada pagi Rabu bulan 26 Februari 1986 bersamaan 17 Jamadul Akhir 1406 jam 3.00 pagi. Dikatakan Haji Wan Ismail pernah menyatakan kepada anak beliau bahawa beliau akan meninggal dunia tidak lama lagi selepas mendapat beberapa tanda dan setelah itu dalam beberapa tempoh waktu beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di Kampung Jaya, Pasir Hor, Kota Bharu Kelantan dengan ditemani oleh sanak saudara dan kenalan beliau. Jenazah beliau telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Pasir Hor iaitu di tanah perkuburan yang sama dengan ibu, isteri dan anak-anaknya. Setelah itu Madarasah Kampung Jaya, Pasir Hor yang dijadikan tempat untuk beliau mendidik dan mengajar penduduk kampung telah ditambah baik dan diberikan nama Masjid Tok Guru Haji Wan Ismail yang kini berada di Kampung Jaya Pasir Hor, Kota Bharu Kelantan.

## KESIMPULAN

Tuan Guru Haji Wan Ismail@Harun bin Abdul Rahman adalah merupakan salah seorang tokoh ulama yang banyak menyumbang ilmu dan khidmat kepada pelbagai kelompok masyarakat. Beliau termasuk dalam kategori ulama yang tidak dikenali ramai (Majhul), walau bagaimana pun penulisan tentang beliau turut dianggap penting bagi tujuan pensejarahan maklumat ulama-ulama di Tanah Melayu. Di samping itu, beliau juga merupakan kelompok ulama pelapis yang terakhir yang lahir dari didikan seorang ulama Melayu yang masyhur pada satu ketika dahulu iaitu Tok Kenali yang banyak memberi sumbangan khususnya pada aspek dakwah, pendidikan dan karya penulisan. Walau bagaimana pun khazanah beliau yang paling bernilai di samping ilmu beliau adalah generasi ulama yang menjadi penerus kepada usaha dakwah dan ilmu yang beliau gagaskan antaranya adalah Tuan Guru Haji Wan Ismail bin Abdul Rahman. Kajian juga mendapati bahawa Tuan Guru Haji Wan Ismail tidak meninggalkan sebarang karya penulisan khusus seperti rakan-rakan seperjuangannya yang lain. Akan tetapi sumbangan beliau pada aspek penyebaran ilmu dan tarbiah tidak dapat dinafikan khususnya dengan kewujudan Madrasah Kampung Jaya yang kini dikenali dengan nama Masjid Tuan Guru Haji Wan Ismail, Kampung Jaya, Pasir Hor, Kota Bharu Kelantan.

## RUJUKAN

- Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. 2011. *Kitab Jala' al-Qulub bi Zikrillah* oleh Tuan Tabal: Satu Analisis. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV*, 25-26 November 2011: 64-69.
- Ismail Che Daud. 1992. *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
- Tengku Yusuff. 2020. <https://www.facebook.com/photo.php?fbid=3513678798642754&set=a.2363925896951389&type=3>[28 Jun 2020].
- Wan Hannas Wan Ismail. 2020. Ulama Majhul Kelantan Tuan Guru Haji Wan Ismail@ Harun bin Abdul Rahman. Temu bual, 29 Nov.

- Wan Lokman Wan Ismail. 2020. Ulama Majhul Kelantan Tuan Guru Haji Wan Ismail@ Harun bin Abdul Rahman. Temu bual, 28 Jul.
- Wan Mokhtar Wan Ismail. 2020. Ulama Majhul Kelantan Tuan Guru Haji Wan Ismail@ Harun bin Abdul Rahman. Temu bual, 28 Jul.
- Zurita Mohd Yusoff, Najihah Abdul Wahid & Mohd Hafiy Abdul Malik. 2019. Sumbangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan keturunannya dalam pengajian pondok di Terengganu dan Kelantan. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* 23-24 November 201: 586-597.